

|           |              |
|-----------|--------------|
| Newspaper | Sinar Harian |
| Date      | 1/5/2013     |



### 1. Rakyat bersaudara

- Hapus diskriminasi iaitu kekayaan seluruh negara diagih agar yang miskin dibantu, yang lemah dibela.
- Dasar Keberdayaan Wanita untuk capai 30 peratus penglibatan wanita di peringkat pengurusan dan kepimpinan dalam sektor swasta dan kerajaan.
- Caruman Wanita Malaysia untuk isteri daripada sumbangan suami antara RM10-RM100 sebulan dan kerajaan menyumbangkan RM50 sebulan, yang diuruskan Pertubuhan Keselamatan Sosial.
- Skim Bonus Warga Emas bernilai RM1,000 setiap tahun untuk warga emas.
- Peruntukan RM220 juta untuk membantu 1,854 Sekolah Janaan Rakyat seperti sekolah agama rakyat, SJK, SJKT, sekolah persendirian dan mubaligh.
- Iktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (Gabungan Sekolah Menengah Cina - UEC) untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi dan kelayakan permohonan kerja.
- Bahasa Kebangsaan dimartabatkan, bahasa ibunda dijamin dan bahasa Inggeris dipertingkatkan.
- Mengembalikan hak Sabah Sarawak seperti Perjanjian 1963.
- Pembersihan senarai kerakyatan dan daftar pengundi khususnya di Sabah dan Sarawak, dengan mengiktiraf hak penduduk yang cukup syarat untuk terima kerakyatan.
- Bayaran royalti 20 peratus ke atas petroleum dan sumber hidrokarbon kepada Sabah dan Sarawak.
- Hapuskan sistem kaboatj yang menyebabkan harga barangan keperluan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi.
- Pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Kuching ke Kota Kinabalu dan Kudat.
- Hentikan serta-merta pembinaan empangan yang memusnahkan alam sekitar.
- Tubuhkan dua syarikat minyak tahap dua milik Kerajaan Sabah dan Sarawak untuk sertai industri minyak dan gas negara sebagai pelaburan dan wujudkan peluang pekerjaan.
- 141,000 hektar tanah Orang Asli dipelihara dan dipulangkan keputusannya kepada Orang Asli.
- Bekalan air bersih dan elektrik di 852 penempatan Orang Asli.
- 5,000 biasiswa pendidikan setiap tahun kepada anak Orang Asli dari peringkat

sekolah hingga ke universiti.

- Kehormatan amalan beragama - hayati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan menjamin hak kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

### 2. Ekonomi rakyat

- 1 juta peluang pekerjaan untuk rakyat dengan mengurangkan 1 juta buruh asing secara berperingkat menjelang tahun kelima memegang tampuk kuasa.
- Wujudkan Tabung Permudah Pelaksanaan Gaji Minimum berjumlah RM2 bilion untuk memberi intensif automasi dan geran. pelaksanaan gaji minimum kepada syarikat yang layak, terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) bagi tempoh yang ditetapkan.
- Pengenalan gaji minimum dibayar sekurang-kurangnya RM1,100 sebulan.
- 1 juta lepasan sekolah dilatih melalui Skim Perantis Rakyat dari peringkat persijilan hingga ke diploma kemahiran.
- 5 universiti teknikal ditubuhkan dalam tempoh 10 tahun.
- 25 sekolah vokasional baru dibina di seluruh negara dengan kurikulum baru mengikut kehendak ekonomi semasa.
- Reformasi pendidikan merangsang ekonomi dengan menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji keseluruhan penambahbaikan sistem pendidikan negara.
- Rombak sistem pendidikan yang terlalu berasaskan peperiksaan.
- IKS dan inovasi teras ekonomi negara - Tabung Inovasi Kebangsaan berjumlah RM1500 juta untuk menggalakkan industri hak cipta dan bank idea.
- Pelarasan cukai rakyat demi kesaksamaan.



### 3. Kesejahteraan rakyat

- Jalur pendapatan akan dilebarkan agar kadar cukai 26 peratus kini hanya mula dibayar bagi pendapatan boleh cukai melebihi RM400,000 ke atas berbanding RM250,000.
- Ekonomi lestari - Hentikan serta-merta operasi Lymas di Gebeng, Pahang.
- Peruntukan RM1500 juta kepada Tabung Usahawan Kecil Perajurit untuk bantu bekas perajurit dalam aktiviti ekonomi selepas tamat perkhidmatan.
- Menaikkan caruman kerajaan ke dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dari 15 peratus kepada 20 peratus untuk menjamin simpanan masa depan perajurit. Caruman tambahan 5 peratus tersebut akan ditadbir dalam satu tabung

khass dan diasingkan dari sumbangan ke tabung pencen bagi membantu perajurit berpencen dan tidak berpencen.

- Memperdayakan usahawan teksi - hapuskan sistem permit teksi yang diberikan kepada syarikat. Permit teksi akan diberikan kepada pemandu teksi bagi melahirkan lebih ramai usahawan teksi.
- Skim perlindungan takaful, skim latihan keusahawanan, galakan penubuhan koperasi dan skim pembiayaan teksi baru.
- Pelaburan R&D mencecah 5 peratus dari KDNK - pelepasan cukai beg barang atau perkhidmatan yang dikomersialkan hasil dari pelaburan R&D yang dibuat universiti dan pusat kajian awam.
- Sasarkan pengurangan kesesakan lalu lintas di Lembah Klang dan bandar besar sebanyak 50 peratus dalam penggal pertama.
- Pengangkutan percuma kepada golongan berbeza upaya.
- Pelaburan RM2 bilion pada tahun pertama untuk tambah bilangan bas dan jajaran laluan bas di Lembah Klang sekali ganda.
- Ke arah membina sistem kereta api laju antara bandar pertama di Asia Tenggara.
- Memecah monopoli dengan menubuhkan Suruhanjaya Anti-Monopoli dan Suruhanjaya Kontrak Awam.
- Membubarkan LMDB agar Khazanah kekal satu-satunya badan pelaburan negara.
- Melupuskan pegangan kerajaan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang terbahit dalam perniagaan bukan berkepentingan nasional kepada pengurusan GLC memalui kaedah ambil alih oleh pengurusan.

### 4. Kesejahteraan rakyat

- Mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat dengan menurunkan harga.
- dan menghapuskan monopoli
- Harga petrol dan diesel diturunkan
- Caj elektrik lebih rendah
- Caj air lebih rendah
- Hapus tol
- Hapus cukai eksais
- Percaya industri automotif negara mampu mengeluarkan kereta berdaya saing serendah RM25,000 sebuah.
- 150,000 rumah mampu milik dalam kategori kos rendah (bawah RM75,000); kos sederhana (RM150,000 hingga RM250,000) dalam tempoh penggal pertama.
- Perbadanan Perumahan Negara ditubuhkan sebagai badan induk yang membina, mengawal selia dan mengusahakan rumah mampu milik rakyat.
- Pendidikan percuma untuk semua, hapus PTPTN.
- Yuran bagi pengajian tinggi lepasan sekolah ditanggung kerajaan.
- Pelajar IPTA diberikan elaun sara hidup kecuali mereka yang kaya.
- Hapus AES, batal saman AES serta merta.
- Keadilan untuk warga Felda seperti

merombak semula pegangan di dalam FGV dengan matlamat mengembalikan operasi dan pemilikan tanah Felda ke tangan peneroka dan kakitangan.

- Matlamat naikkan gaji anggota polis 15 peratus secara berperingkat melalui rasionalisasi tenaga kerja dan alihan sumber kepada tugasan teras membanteras jenayah dan melindungi keselamatan rakyat.
- Kemudahan kesihatan asas percuma dijamin.
- Menawarkan perkhidmatan wad percuma kepada semua rakyat di semua hospital kerajaan dengan menghapuskan bayaran wad kelas 2 dan kelas 3.
- Sasarkan seorang doktor bagi setiap 550 rakyat dalam tempoh penggal pertama pentadbiran.
- Bantuan Kebajikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dinaikkan daripada RM300 kepada RM550 sebulan kepada keluarga yang pendapatan isi rumahnya di bawah RM500 sebulan.



### 5. Kerajaan rakyat

- Sasaran meningkatkan jumlah dana Tabung Haji menjadi dua kali ganda dari dana sekarang dalam tempoh 10 tahun pentadbiran.
- Menjamin hak kebebasan beragama dan mengamalkan istiadat keagamaan kepada penganut agama lain seperti yang dijamin Perlembagaan.
- Pakej gaji adil penjawat awam.
- Melaksanakan pendaftaran undi secara automatik apabila mencecah umur layak mengundi.
- Reformasi institusi kehakiman, kamar peguam negara SPRM dan PDRM untuk bebas daripada cengkaman politik.
- Reformasi Parlimen dengan mengembalikan kebebasan institusi parlimen sebagai suara rakyat yang mengimbangi kuasa eksekutif.
- Menghapuskan semua undang-undang yang menyekat kebebasan media seperti Akta Percetakan dan Penerbitan, prosedur perlesenan media.
- Memansuhkan Aukau dalam tempoh 100 hari pentadbiran Pakatan Rakyat.
- Memansuhkan semua undang-undang anti-rakyat.
- Kerajaan Persekutuan membebaskan dan memohon maaf kepada semua tahanan ISA dari dulu hingga sekarang.
- Perkenalkan Dasar Banteras Rasuah Negara (Debaran) dengan merombak sepenuhnya kuasa dan kepimpinan dan pentadbiran.

# Manifesto Rakyat 1 Pakatan Harapan rakyat